

# **PANDANGAN MENYELURUH TENTANG BEBAN UTAMA DAN KEBENARAN TERKINI DALAM PEMULIHAN TUAN SEBELUM PENAMPILAN DIRI-NYA**

## **PERNYATAAN PENTING**

“Berlian” dalam “kotak” Bible  
ialah wahi yang menunjukkan bahawa dalam Kristus,  
Tuhan telah menjadi manusia  
supaya manusia dapat menjadi Tuhan  
dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan,  
untuk membina Tubuh Kristus  
bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru.

Alam divin dan mistikal  
yang kita masuki hari ini dan yang dalamnya kita hidup  
sebenarnya bukan sekadar alam divin dan mistikal Tuhan Tritunggal;  
alam ini merupakan alam divin dan mistikal  
bagi Roh terkonsumasi dan Kristus pneumatik.

Tinggal dalam Kristus, mengambil Dia sebagai tempat huni kita,  
dan membenarkan Dia tinggal dalam kita,  
mengambil kita sebagai tempat huni-Nya,  
bererti hidup dalam realiti inkorporasi universal Tuhan Tritunggal  
yang terproses dan terkonsumasi  
dengan percayawan yang ditebus dan dilahirukan.

Yerusalem Baru ialah komposisi kedivinan dan keinsanan  
yang dibaurkan, disebatikan, dan dibina bersama-sama menjadi satu entiti;  
semua komponen itu mempunyai hayat, sifat, dan konstitusi yang sama,  
dengan itu merupakan satu persona korporat—  
pengantin perempuan, yakni isteri Anak Domba.

## MATLAMAT MUKTAMAD EKONOMI TUHAN

Mesej Satu

### **Matlamat Muktamad Ekonomi Tuhan— Tuhan Menjadi Manusia Supaya Manusia Dapat Menjadi Tuhan dalam Hayat dan dalam Sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan, untuk Membina Tubuh Kristus bagi Mengkonsumasikan Yerusalem Baru**

Bacaan Bible: Ef. 1:4-5; 5:26-27; Ibr. 2:10-11; 1 Tes. 5:23

- I. “Berlian” dalam “kotak” Bible ialah wahi yang menunjukkan bahawa dalam Kristus, Tuhan telah menjadi manusia supaya manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan, untuk membina Tubuh Kristus bagi mengkonsumasikan Yerusalem Baru:**
- A. “Selepas begitu banyak tahun, Tuhan telah menyebabkan saya mengetahui satu perkara sahaja—Tuhan menjadi manusia supaya manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan. Inilah satu-satunya beban saya, satu-satunya mesej saya” (*Jalan Praktikal untuk Menjalani Kehidupan yang Menurut Puncak Tinggi Wahi Divin dalam Bible*, m.s. 24).
  - B. Ekonomi abadi Tuhan adalah untuk menjadikan manusia sama seperti Dia dalam hayat dan sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan serta menjadikan diri-Nya satu dengan manusia dan manusia satu dengan-Nya; dengan itu, Dia diperbesar dan diperkembangkan dalam ekspresi-Nya, agar segala atribut divin-Nya dapat diekspresikan dalam virtu insani—1 Tim. 1:3-4; Ef. 3:9; 1:10.
  - C. Tuhan mencipta manusia dengan cara yang istimewa—menurut imej-Nya dan mengikut rupa-Nya serta mempunyai roh untuk menghubungi-Nya dan menerima-Nya; Tuhan tidak mencipta jenis manusia; sebaliknya Dia mencipta manusia menurut jenis-Nya—Kej. 1:26; 2:7; Za. 12:1.
  - D. Tuhan menjadi manusia untuk memperoleh reproduksi besar-besaran bagi diri-Nya dan dengan itu menghasilkan jenis yang baru—Yoh. 1:1, 14; 12:24:
    1. Jenis yang baru ini bukan jenis Tuhan dan juga bukan jenis manusia, tetapi jenis Tuhan-manusia.
    2. “Beban saya adalah untuk menunjukkan kepada kamu dengan jelas bahawa ekonomi dan rancangan Tuhan adalah untuk menjadikan diri-Nya manusia dan menjadikan kita, yakni makhluk ciptaan-Nya, ‘Tuhan’, supaya Dia ‘dimanusiakan’ dan kita ‘dituhankan’” (*A Deeper Study of the Divine Dispensing*, m.s. 51-52):
      - a. Kita dilahirkan daripada Tuhan yang agung, maka kita menjadi Tuhan dalam hayat dan sifat, namun sudah pasti bukan dalam Ketuhanan-Nya; kita dalam taraf yang sama dengan Tuhan yang merupakan Pengasas kita yang agung, dan kita ialah anak-anak-Nya—Gal. 4:6; Yes. 63:16; 64:8; 66:12-13.
      - b. Dia menjadi Tuhan-manusia supaya manusia dapat menjadi manusia-Tuhan; akhirnya Dia dan kita berada dalam kategori yang sama, jenis yang sama, dan pada paras yang sama.
  - E. Athanasius, seorang daripada bapa gereja awal, berkata berkenaan Kristus, “Dia dijadikan manusia agar kita dapat menjadi Tuhan,” dan “Sabda itu telah menjadi tubuh daging...supaya kita berbahagian dalam Roh-Nya, agar dapat dijadikan Tuhan.”
- II. Transformasi-transformasi yang paling ajaib, unggul, penuh misteri, dan serba merangkumi bagi Tuhan yang abadi dan Tritunggal dalam hal Dia menjadi seorang manusia ialah pergerakan Tuhan dalam manusia untuk**

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Satu (sambungan)

**menyempurnakan ekonomi abadi-Nya—Yoh. 1:14, 29; 3:14; 12:24; Kis. 13:33; 1 Ptr. 1:3; 1 Kor. 15:45b; Kis. 2:36; 5:31; Ibr. 4:14; 9:15; 7:22; 8:2:**

- A. Transformasi-transformasi ini ialah proses-proses yang dilalui Tuhan Tritunggal untuk menjadi Tuhan-manusia, membawa kedivinan ke dalam keinsanan agar kedivinan berbaur dengan keinsanan untuk menjadi satu prototaip demi reproduksi besar-besaran bagi Tuhan-manusia yang banyak; Dia menjadi perjasadan Tuhan Tritunggal, membawa Tuhan kepada manusia dan menjadikan Tuhan dapat dihubungi, disentuh, diterima, dialami, dimasuki, dan dinikmati—Yoh. 1:14; 12:24; Kol. 2:9.
- B. Tuhan membicarakan transformasi-transformasi ini dalam Hosea 11:4 dengan berkata, “Aku menarik mereka dengan tali-tali manusia, / Dengan ikatan kasih”; frasa *dengan tali-tali manusia, dengan ikatan kasih* menunjukkan bahawa Tuhan mengasihi kita dengan kasih divin-Nya bukan pada tahap kedivinan tetapi pada tahap keinsanan; kasih Tuhan adalah divin, tetapi ia mencapai kita dalam tali-tali manusia, iaitu menerusi keinsanan Kristus:
  1. Tali-tali (transformasi, proses) yang menerusnya Tuhan menarik kita termasuk inkarnasi, kehidupan insani, penyaliban, kebangkitan, dan kenaikan Kristus ke syurga; melalui semua langkah Kristus dalam keinsanan-Nya ini, kasih Tuhan dalam penyelamatan-Nya mencapai kita—Yer. 31:3; Yoh. 3:14, 16; 6:44; 12:32; Roma 5:5, 8; 1 Yoh. 4:8-10, 16, 19.
  2. Di luar Kristus, kasih Tuhan yang kekal, yakni kasih-Nya yang tidak berubah dan menundukkan orang, tidak dapat menang dalam kita; kasih Tuhan yang tidak berubah itu menang kerana kasih itu kasih dalam Kristus, bersama dengan Kristus, melalui Kristus, dan untuk Kristus.
  3. Sungguhpun kita ada kegagalan dan kesilapan, namun kasih Tuhan sentiasa menang; kasih bertahan lebih lama daripada segala-gala dan kekal di tempatnya buat selama-lamanya; hanya kasih yang merupakan ciri-ciri seorang yang matang, dan akan kekal hingga keabadian—Roma 8:35-39; 1 Kor. 13:8-11; Yer. 31:3.
- C. Sejak zaman purba, sejak keabadian, Tuhan Tritunggal telah bersedia untuk keluar dari keabadian ke dalam masa, untuk datang dengan membawa kedivinan-Nya, dan masuk ke dalam keinsanan dengan dilahirkan di Betlehem sebagai manusia—Mi. 5:2:
  1. Inkarnasi bertujuan membawa Tuhan ke dalam manusia dan menjadikan Tuhan manusia supaya manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat-Nya dan dalam sifat-Nya tetapi bukan dalam Ketuhanan-Nya; Dia ialah Tuhan yang unik untuk disembah orang dalam Ketuhanan-Nya, tetapi kita hanyalah Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan.
  2. Pergerakan Tuhan adalah dalam manusia dan menerusi manusia untuk mendefikasikan manusia, yakni menjadikan manusia Tuhan dalam hayat, dalam sifat, dalam fungsi, dan dalam ekspresi, tetapi sudah pasti bukan dalam Ketuhanan; oleh sebab “Roh itu, Yang Kudus itu” telah didispenkan ke dalam roh kita, maka kita dan Roh itu ialah satu roh (Roma 8:16; 1 Kor. 6:17), dan roh kita kini ialah “roh kudus” (2 Kor. 6:6).
  3. Oleh itu, sebagai Tuhan-manusia, kita tidak harus mengambil apa-apa tindakan, menghadapi apa-apa situasi, atau memenuhi apa-apa keperluan terpisah daripada Roh almuhit; jalan yang harus kita ambil hari ini ialah bergerak dalam pergerakan Roh itu dan mempunyai Roh itu bergerak dalam pergerakan kita—Wahi 22:17a; Roma 8:4; Gal. 5:25; Roma 1:9; Flp. 3:3; bd. Yeh. 1:15-21.

## MATLAMAT MUKTAMAD EKONOMI TUHAN

### Mesej Satu (sambungan)

4. Dalam buku Kisah, manusia bergerak dalam pergerakan Tuhan, dan Tuhan bergerak dalam pergerakan manusia; dengan demikian, dutus menjadi pemangku Tuhan, iaitu Tuhan dalam fungsi—16:6-10.

### **III. Perihal kita menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan dimulakan oleh Tuhan Bapa dalam keabadian lampau melalui Dia memilih kita supaya kita menjadi kudus, mempratakdirkan kita supaya beroleh keanakan; pengudusan divin untuk keanakan divin ialah pusat ekonomi divin dan pemikiran utama wahi dalam Wasiat Baru—Ef. 1:4-5:**

- A. Dikuduskan bererti dijadikan kudus, iaitu diasingkan untuk Tuhan dan ditepui Tuhan yang merupakan Yang Kudus itu, Dia yang berbeza daripada, berlainan daripada segala-gala yang umum—1 Ptr. 1:15-16; Ef. 1:4-5.
- B. Dia telah memilih kita dalam Kristus sebelum pengasasan dunia supaya menjadi kudus agar kita menjadi Tuhan dalam sifat (ay. 4); hanya Tuhan ialah Dia yang kudus; untuk kita menjadi kudus, kita memerlukan Tuhan dalam sifat kudus-Nya didispenskan ke dalam kita, dan sifat kudus ini menjadi elemen kudus yang melaluinya Roh Kudus menguduskan kita (2 Ptr. 1:4; Ibr. 12:14).
- C. Dia mempratakdirkan kita supaya beroleh keanakan bahkan sebelum kita dicipta agar kita menjadi Tuhan dalam hayat (Ef. 1:5); untuk kita menjadi anak Tuhan, kita harus dilahirkan daripada Tuhan melalui pendispensan hayat Tuhan ke dalam kita (Yoh. 1:12-13; 3:6; 1 Yoh. 5:11-12):
  1. Efesus 1:4-5 mewahikan bahawa Tuhan memilih kita agar menjadi kudus dengan tujuan untuk menjadikan kita anak Tuhan; dijadikan kudus ialah suatu proses, suatu prosedur, manakala menjadi anak Tuhan ialah tujuan, matlamat, supaya seluruh diri kita, termasuk tubuh kita (Roma 8:23), dapat “dianakkan” oleh Tuhan (Wahi 21:2, 9-11).
  2. Ibrani 2:10-11 mewahikan bahawa Kristus yang bangkit sebagai Kapten, Pengasas, penyelamatan Tuhan sedang memimpin anak yang banyak ke dalam kemuliaan dengan menguduskan mereka.

### **IV. Pengudusan divin ialah garis pemegang bagi melaksanakan ekonomi divin untuk menganakkan kita secara divin, menjadikan kita anak Tuhan supaya kita dapat menjadi sama seperti Tuhan dalam hayat-Nya dan dalam sifat-Nya (tetapi bukan dalam Ketuhanan-Nya), agar kita dapat menjadi ekspresi Tuhan; oleh itu, pengudusan Tuhan ialah penganakan divin:**

- A. Kita mengatakan bahawa pengudusan ialah garis pemegang kerana setiap langkah kerja Tuhan pada kita adalah untuk menjadikan kita kudus; pelaksanaan ekonomi abadi Tuhan adalah melalui pengudusan Roh itu—1 Tes. 5:23; Yoh. 17:17; Ef. 5:26-27; 1 Kor. 6:11; 12:3b; Ibr. 12:4-14; Roma 8:28-29; Ef. 4:30; 1 Tes. 5:19; Wahi 2:7a; Mzm. 73:16-17, 25-26.
- B. Pengudusan yang mencari, iaitu pengudusan pada peringkat permulaan, menghasilkan pertaubatan untuk membawa kita kembali kepada Tuhan—1 Ptr. 1:2; Luk. 15:8-10, 17-21; Yoh. 16:8-11.
- C. Pengudusan yang menebus, iaitu pengudusan dari segi kedudukan, adalah melalui darah Kristus, untuk memindahkan kita dari Adam ke dalam Kristus—Ibr. 13:12; 9:13-14; 10:29.
- D. Pengudusan yang melahirukan, iaitu permulaan pengudusan dari segi disposisi, memperbarui kita dari roh kita untuk menjadikan kita, yakni pendosa, anak Tuhan—ciptaan baru yang mempunyai hayat dan sifat divin—Yoh. 1:12-13; 2 Kor. 5:17; Gal. 6:15.

## GARIS KASAR LATIHAN

### Mesej Satu (sambungan)

- E. Pengudusan yang memperbarui, iaitu penerusan pengudusan dari segi disposisi, memperbarui sukma kita dari minda hingga semua bahagian sukma kita untuk menjadikan sukma kita sebahagian daripada ciptaan baru Tuhan—Roma 12:2b; 6:4; 7:6; Ef. 4:23; Yeh. 36:26-27; 2 Kor. 4:16-18.
  - F. Pengudusan yang mentransform, iaitu pengudusan sehari-hari, mengkonstitusikan kita semula dengan elemen Kristus secara metabolik untuk menjadikan kita konstitusi baru yang merupakan sebahagian daripada Tubuh Kristus yang organik—1 Kor. 3:12; 2 Kor. 3:18.
  - G. Pengudusan yang mengkonform, iaitu pengudusan yang membentuk, membentuk kita menjadi imej Kristus yang mulia untuk menjadikan kita ekspresi Kristus; konformasi kita ialah kematangan kita dalam hayat divin yang menerusinya kita berbahagian dalam kedivinan Tuhan dengan sepenuhnya dan dimantapkan dalam memiliki elemen divin-Nya—Roma 8:28-29; Ibr. 6:1a.
  - H. Pengudusan yang memuliakan, iaitu pengudusan yang mengkonsumasikan, menibus tubuh kita dengan mentransfigur tubuh kita untuk menjadikan kita ekspresi Kristus yang penuh dalam kemuliaan—Flp. 3:21; Roma 8:23.
- V. **Pengudusan divin dari segi disposisi dilaksanakan oleh Kristus sebagai Roh yang memberi hayat, menguduskan, dan berbicara—1 Kor. 15:45b; 1 Tes. 5:23; Ef. 5:26:**
- A. Kristus sebagai Roh beri-hayat menguduskan gereja dengan membersihkannya menurut pembasuhan air dalam sabda; menurut konsep divin, *air* di sini merujuk kepada hayat Tuhan yang mengalir, yang ditamsilkan oleh air yang mengalir (Kel. 17:6; 1 Kor. 10:4; Yoh. 7:37-39; Wahi 7:17; 21:6; 22:1, 17); kini kita berada dalam proses pembasuhan ini, agar gereja dapat menjadi kudus dan tanpa cacat cela.
  - B. Perkataan Yunani bagi *pembasuhan* dalam Efesus 5:26 secara literal bermakna *bejana*; dalam Wasiat Lama, hentar membasuh diri mereka daripada kecemaran bumiah dengan menggunakan bejana pembasuhan (Kel. 30:18-21); hari demi hari, siang dan malam, kita perlu datang kepada Bible dan dibersihkan melalui bejana pembasuhan, yakni air dalam sabda.
  - C. Paulus menggunakan perkataan Yunani *rhema* ketika dia membicarakan perkataan itu berserta proses pembasuhannya (Ef. 5:26); logos ialah Sabda Tuhan yang tercatat dalam Bible secara objektif; rhema ialah sabda Tuhan yang diucapkan kepada kita pada masa yang khusus (Mrk. 14:72; Luk. 1:35-38; 5:5; 24:1-8).
  - D. Sebagai Roh beri-hayat, Kristus ialah Roh yang berbicara; apa-apa yang dibicarakan-Nya ialah sabda yang membasuh kita; ini bukan merujuk kepada logos, iaitu sabda sepanjang masa, tetapi rhema, yang merujuk kepada sabda ketika itu, yakni sabda yang dibicarakan Tuan kepada kita pada waktu terkini—Mat. 4:4; Yoh. 6:63; Wahi 2:7; 22:17a; bd. Yes. 6:9-10; Mat. 13:14-15; Kis. 28:25-31.
  - E. Rhema mewahikan sesuatu kepada kita secara peribadi dan secara langsung, menunjukkan kepada kita hal yang perlu kita tanggulangi dan hal yang perlu dibersihkan daripada kita (bejana daripada tembaga ialah cermin yang dapat memantul dan mendedah—Kel. 38:8); perkara yang penting bagi setiap daripada kita ialah ini—adakah Tuhan membicarakan sabda-Nya kepada saya hari ini?—Wahi 2:7; 1 Sam. 3:1, 21; Amos 3:7.
  - F. Satu perkara yang sentiasa kita hargai ialah Tuan masih berbicara kepada kita secara peribadi dan secara langsung pada hari ini; pertumbuhan dalam hayat yang sebenar bergantung pada kita menerima sabda secara langsung daripada

## MATLAMAT MUKTAMAD EKONOMI TUHAN

### Mesej Satu (sambungan)

Tuhan; hanya pembicaraan-Nya dalam kita yang ada nilai rohani yang sebenar— Ibr. 3:7-11, 15; 4:7; Mzm. 95:7-8.

- G. Pusat bagi doa kita seharusnya ialah perdamaaan kita terhadap pembicaraan Tuan; pembicaraan Tuan membolehkan kita menggenapkan matlamat ekonomi abadi-Nya menurut hasrat hati-Nya untuk memperoleh keanakan divin-Nya—Luk. 1:38; 10:38-42; Ef. 1:5.
  - H. Dalam erti kata yang sangat praktikal, hadirat Tuan adalah satu dengan pembicaraan-Nya; setiap kali Dia berbicara, kita sedar akan hadirat-Nya dalam kita; pembicaraan Kristus ialah hadirat Roh beri-hayat—bd. Kel. 33:12-17; Ibr. 11:8.
  - I. Pembicaraan Kristus yang huni secara dalaman sebagai Roh beri-hayat dalam kita merupakan air yang membersihkan, yang meletakkan satu elemen baru ke dalam kita untuk menggantikan elemen lama dalam sifat dan disposisi kita; pembersihan metabolismik ini menyebabkan orang mempunyai perubahan dalaman yang sejati dalam hayat, iaitu realiti pengudusan dari segi disposisi dan transformasi.
- VI. Perihal kita dikuduskan untuk keanakan divin akhirnya berkonsumasi dalam Yerusalem Baru yang merupakan kota kudus (Wahi 21:2, 10) dan agregat keanakan divin (ay. 7); inilah konsumasi muktamad Tuhan menjadi manusia dalam tubuh daging supaya manusia dapat menjadi Tuhan dalam Roh itu agar memperoleh Tuhan-manusia yang korporat dan agung (ay. 3, 22) demi ekspresi korporat Tuhan Tritunggal, iaitu kemuliaan-Nya (ay. 11, 23).**